

Kes keganasan rumah tangga turun kepada 576

Harian metro 7/6/2022 page 5

Kota Kinabalu: Bilangan kes keganasan rumah tangga di seluruh negara turun kepada 576 kes bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini berbanding 627 kes dalam tempoh sama tahun lalu, kata Timbalan Menteri Pembangunan Keluarga dan Masyarakat Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff.

Bagaimanapun, beliau berkata, dalam tempoh sama juga kes keganasan rumah tangga di Sabah menunjukkan peningkatan kepada 145 kes tahun ini berbanding 126 kes tahun lalu.

Katanya, walaupun statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan di Sabah, beliau yakin kerjasama padu semua pihak dapat menangani kes terbabit selain pe-

laksanaan pelbagai inisiatif oleh Kementerian seperti Skuad Wanita Anti Jenayah (Skuad Waja).

“Sehingga kini Skuad Waja dianggotai seramai 304,982 orang dan daripada jumlah itu 21,387 di Sabah termasuk 9,159 ahli Skuad Waja lelaki,” katanya selepas merasmikan program semarak Skuad Waja negeri Sabah di sini.

Siti Zailah berkata, bagi memastikan keberkesanan program pemerksaan Skuad Waja, RM175,000 diperuntukkan kepada 25 daerah di Sabah untuk aktiviti psikososial.

Katanya, pelaksanaan program Skuad Waja membuktikan kewujudan sinergi yang baik antara kerajaan dan komuniti.